



28 MAR, 2022

Pasar tani FAMA tetap jadi pilihan ramai beli barang keperluan

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2



Bakri (dua dari kanan) meryerahkan sumbangan kit ujian kendiri dan pelitup muka kepada pihak pengurusan sekolah di sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Klawang, Jelebu pada Ahad.

Pasar tani FAMA tetap jadi pilihan ramai beli barang keperluan

JELEBU - Pasar tani dikendalikan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Negeri Sembilan tetap menjadi tumpuan orang ramai bagi mendapatkan barang keperluan.

Exco Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir berkata, tahun lalu nilai jualan usahawan berjumlah hampir RM14 juta direkodkan.

Beliau berkata, ia menunjukkan peningkatan berbanding jualan pada tahun 2020 yang berjumlah hampir RM13.5 juta.

"Ketika ini terdapat 16 pasar tani FAMA beroperasi di seluruh negeri dengan 553 usahawan menjalankan pelbagai aktiviti perniagaan.

"Pasar Tani Batu Kikir, Paroi Jaya dan Ampangan di Seremban antara tiga pasar tani yang merekodkan jualan tertinggi pada tahun lalu," katanya selepas meryerahkan sumbangan kit ujian kendiri Covid-19 dan pelitup muka kepada empat sekolah di sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Klawang pada Ahad.

Bakri berkata, pada tahun lalu, Pasar Tani Batu Kikir yang mempunyai 101 usahawan mencatatkan jualan berjumlah RM2.17 juta, selain Paroi Jaya (RM2.12 juta) membabitkan 97 usahawan dan Ampangan (RM2 juta) dari pada 76 usahawan.

Dalam perkembangan lain, Bakri yang juga Ahli Dewan

Undangan Negeri (ADUN) Klawang berkata, tiga sekolah menengah dan sebuah sekolah rendah menerima sumbangan kit ujian kendiri dan pelitup muka.

"Setiap sekolah menerima 100 kotak kit ujian kendiri dan 300 keping pelitup muka bagi kegunaan pelajar dan guru.

"Sumbangan pelitup muka diharap membantu pihak sekolah dalam mencegah penularan virus, manakala kit ujian kendiri dapat digunakan bagi melakukan ujian pantas ke atas mereka yang disyaki sebelum pihak sekolah membuat tindakan selanjutnya," ujarnya.



28 MAR, 2022

Pasar tani FAMA tetap jadi pilihan ramai beli barang keperluan

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Bakri (dua dari kanan) menyerahkan sumbangan kit ujian kendiri dan pelitup muka kepada pihak pengurusan sekolah di sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Klawang, Jelebu pada Ahad.

JELEBU - Pasar tani dikendalikan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Negeri Sembilan tetap menjadi tumpuan orang ramai bagi mendapatkan barang keperluan. Exco Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir berkata, tahun lalu nilai jualan usahawan berjumlah hampir RM14 juta direkodkan.